



KELUARGA : Definisi Keluarga, Tujuan Berkeluarga/Perkahwinan, Keluarga Bahagia.

1.1 Definisi Keluarga.

Keluarga berasal dari bahasa Sanskrita: kula dan warga "kulawarga" yang bererti "anggota" "kelompok kerabat". Keluarga adalah terdiri daripada beberapa orang yang masih memiliki hubungan darah, bersatu. Coleman dan Cressey (1993: 110) mentakrifkan keluarga sebagai 'seisi rumahtangga yang terdiri daripada suami dan isteri sahaja atau berserta anak-anak'. Mahmood (1997) mentakrif keluarga sebagai unit sosial yang terdiri daripada bapa, ibu dan anak dan yang paling penting ialah wujudnya suatu pertalian hidup tertentu dalam kelompok sosial berkenaan.

Daripada perspektif Islam, keluarga adalah suatu unit sosial yang majmuk sifatnya (*extended*). Keluarga majmuk ini terangkum dalamnya, bukan sahaja ibu bapa dan anak-anak tetapi juga datuk, cucu cicit, adik beradik dan saudara mara. Di bawah konsep keluarga tersebut mungkin terdapat lebih daripada sebuah rumahtangga (poligami). Dari masa ke semasa, kelompok-kelompok rumahtangga ini boleh terpisah daripada rumahtangga yang lain, tetapi dalam masa yang sama ia terangkum dalam suatu ikatan keluarga. Dalam banyak hal ikatan ini mempunyai bentuk perhubungan berbagai hala (Mahmood, 1997).

Daripada perspektif Barat, keluarga dihadkan kepada keluarga nuklear. Ianya mengandungi sekurang-kurangnya dua orang yang hidup bersama melalui pertalian darah, perkahwinan atau 'adoption'. Keluarga juga terbentuk daripada pasangan yang tidak berkahwin tetapi hidup bersama dan mungkin juga mempunyai anak (*single parent family*) – Gullota, Adams, Alexander (1986) dan Robins (1996). Secara umumnya, keluarga yang sah terbentuk berasaskan ikatan perkahwinan dan dikaitkan dengan pergaulan antara ahli keluarga.

1.2 Tujuan Berkeluarga/Perkahwinan Menurut Pandangan Islam.

Perkahwinan menjadikan manusia semakin dekat dengan kasih sayang Allah SWT kerana ada seorang suami yang sentiasa mendidik dan melindungi isteri. Bagaimanapun, suami atau isteri yang tiada ^{Tujuan} mawaddah dan rahmah, musyawarah dan amanah akan merosakkan rumah tangga yang dibina. Malah ia mengakibatkan kemungkinan berlaku perbuatan lain yang membuatkan mereka semakin ingkar terhadap peraturan Allah SWT. Perceraian bukanlah keseronokan atau penentu kehidupan baru yang lebih baik daripada sebelumnya, tetapi ia jalan keluar daripada kesukaran.

Justeru, tak perlu rasa bersalah jika terpaksa berpisah. Malah, Allah SWT memberi peluang kedua dan ketiga kepada pasangan yang ingin kembali bersama jika mencukupi syarat ditetapkan agama.

Firman Allah SWT yang bermaksud: "Dan di antara tanda-tanda kebesaran Allah itu bahawa Dia jadikan bagi kamu pasangan hidup supaya kamu mendapatkan ketenangan/kebahagiaan bersamanya. Kemudian Allah ciptakan di antara kamu berdua mawaddah dan rahmah." (Surah ar-Rum, ayat 21)

Islam mensyariatkan perkahwinan kerana memenuhi fitrah manusia yang tidak boleh hidup sendirian. Manusia memerlukan perhatian, pertolongan, sokongan dan pasangan untuk berkongsi kelemahan serta kekuatan yang boleh melengkapkan sebuah kehidupan menuju akhirat. Tujuan perkahwinan untuk mencapai ketenangan dan kebahagiaan dalam kehidupan menepati firman Allah SWT yang bermaksud: "Dan di antara tanda-tanda kebesaran Allah itu bahawa Dia jadikan bagi kamu pasangan hidup supaya kamu mendapatkan ketenangan/kebahagiaan bersamanya. Kemudian Allah ciptakan di antara kamu berdua mawaddah dan rahmah." (Surah ar-Rum, ayat 21). Lumrah yang berpasangan akan mengasihi antara satu sama lain kerana mereka saling melengkapi, justeru, mawaddah menjadikan manusia berhemah sesama makhluk Allah SWT dan bertolak ansur sesama insan.

Mawaddah dan Rahmah.

Selain ketenangan di dalam pernikahan, Allah SWT juga menciptakan mawaddah dan rahmah di hati suami dan isteri. Sebahagian ahli tafsir membezakan makna mawaddah dan rahmah ini. Bagi mereka, mawaddah adalah rasa cinta berdasarkan syahwat kemanusiaan, iaitu keinginan untuk melakukan hubungan suami isteri yang akan melahirkan dan mengembangkan keturunan manusia. Mawaddah atau keinginan untuk melakukan hubungan suami isteri ini ada hadnya seiring dengan umur manusia itu sendiri. Apabila seorang lelaki telah berumur 60-70 tahun dan perempuan berumur 50 tahun, mawaddah ini akan berkurangan. Maka, pada saat inilah Allah SWT akan menimbulkan rahmah atau kasih sayang yang suci murni di hati pasangan berkenaan.

Menurut Prof Dr Hamka, rahmah lebih tinggi kedudukannya daripada mawaddah sebab ia kasih mesra di antara suami isteri yang bukan lagi berasaskan keinginan syahwat, sebaliknya rasa kasih sayang murni yang tumbuh dari jiwa yang paling dalam sehingga suami isteri merasakan kebahagiaan yang tidak bertepi dan ketenangan yang tidak terbatas. Pada masa ini mereka bukan lagi berfikir mengenai tongkat ali, Viagra dan ubat-ubat lain bagi mengembalikan kekuatan tenaga batin tetapi yang mereka inginkan adalah mengisi hari-hari akhir ini dengan beribadah dan mendekatkan diri kepada Allah sedekat-dekatnya secara bersama-sama. Mereka juga berusaha memberikan contoh yang baik, teladan dan nasihat kepada anak cucu supaya mereka tidak salah dalam memilih jalan hidup di dunia yang penuh dugaan ini. Inilah hakikat rahmah itu.

Musyawah.

Musyawah pula bermula apabila pasangan saling menghormati, memahami keperluan dan kehendak masing-masing, justeru cuba memenuhinya tanpa mengorbankan salah satunya. Tetapi, menjadi sebaliknya apabila konsep berjemaah dan syura tidak lagi diterapkan dalam rumah tangga. Musyawarah membawa maksud perbincangan ^{antara suami isteri} atau perundingan di kalangan ahli keluarga. Musyawarah dilakukan untuk mencari jalan penyelesaian yang terbaik bagi permasalahan yang berlaku.

Semua orang menghadapi masalah kerana masalah yang wujud adalah sebahagian daripada lumrah kehidupan. Begitu juga dengan hidup berumah tangga antara suami, isteri serta anggota-anggota yang lain dari sesuatu keluarga. Namun ia bergantung kepada kecil atau besar manakah masalah yang berlaku. Dalam pada itu, jalan penyelesaiannya pula bergantung kepada pengetahuan, strategi, kemahiran, pengalaman dan kebolehan setiap individu dalam menangani masalah tersebut.

Musyawahar atau perbincangan di antara ahli keluarga merupakan salah satu jalan penyelesaian yang terbaik. Hal ini kerana setiap ahli keluarga akan bersama-sama mencari jalan penyelesaian dan mereka hendaklah saling memberi dan boleh menerima pandangan atau pendapat antara satu sama lain. Apabila kedua-dua belah pihak boleh menghayati perlakuan emosi maka akan tercetuslah suasana yang lebih harmoni dan bertambah pula kasih sayang.

Amanah.

Dari segi bahasa, amanah berasal dari perkataan Arab, bermaksud tenteram, aman, terselamat dan harmonis. Dari segi nilai dan akhlak, amanah bermaksud menghargai kepercayaan orang lain terhadap diri seseorang dengan melaksanakan tuntutan yang terdapat dalam kepercayaan itu. Dengan kata lain, amanah ialah tanggungjawab yang diterima seseorang yang kepadanya diberikan kepercayaan bahawa ia dapat melaksanakannya sebagaimana yang dituntut, tanpa mengabaikannya. Apabila tanggungjawab ini dilaksanakan dengan sempurna, ia merasa tenteram, aman, terselamat dan harmonis (Mohd Nakhaie Hj. Ahmad 1996:2).

Jika ketua keluarga tidak menunaikan tanggungjawab kepada ahli yang dipimpin, penghuni rumah tangga akan kehilangan arah dan pedoman terutama anak yang belum mampu memimpin diri sendiri. Suami dan isteri pula membawa haluan sendiri maka tiada lagi pemimpin dan yang dipimpin. Sifat amanah menjadikan pasangan suami isteri lebih bertaqwa kepada Allah SWT. Anak juga amanah kepada ibu bapa. Sebagai ibu bapa, anak merupakan amanah dan anugerah Allah yang tidak ternilai harganya. Oleh yang demikian, setiap ibu bapa hendaklah menjaga amanah dan anugerah tersebut dengan sebaik yang mungkin. Setiap keperluan anak hendaklah dipenuhi dengan sebaiknya.

1.3 Keluarga Bahagia.

Konsep Keluarga Bahagia

Menurut Rusmiati (1980) kebahagiaan adalah nikmat yang dirasakan dalam sanubari seseorang. Khawari dan Khawari (1989) mentakrifkan kebahagiaan sebagai kejayaan sesebuah keluarga bukan bergantung kepada kebendaan tetapi bergantung kepada hati, roh dan akal fikiran.

Persoalan pokok dalam menghuraikan maksud keluarga bahagia ialah konsep bahagia. Ia adalah satu ungkapan yang manis tetapi sukar menentukan bagaimana ianya boleh dicapai. Terdapat berbagai-bagai tanggapan sama ada secara betul mahupun secara salah tentang persoalan bahagia, baik dalam konteks kehidupan peribadi mahupun dalam kehidupan kelompok sosial seperti keluarga, kumpulan, masyarakat dan sebagainya. Mengikut Rusmiati (1980) kebahagiaan adalah nikmat yang dirasakan dalam sanubari seseorang.

Kajian Mahmood, (1997) menyifatkan kebahagiaan tercapai apabila seseorang mengalami kesenangan, gembira, mempunyai objektif dan tujuan hidup yang jelas, optimistik, merasa selesa dan merasa nikmat dengan setiap yang ada.

Secara ringkasnya, kebahagiaan adalah perasaan yang terpancar dari lubuk hati dan bukan sesuatu yang dipaksa atau disogok dari luar. Ia bukan terletak pada kekayaan, kuasa, kedudukan dan apa saja yang bersifat kebendaan. Sebaliknya, ia adalah sesuatu yang maknawi, dapat dirasakan tetapi tidak dapat diukur atau disukat.

Membina Keluarga Bahagia

Memiliki keluarga bahagia adalah impian setiap orang. Keluarga bahagia ialah keluarga yang hidup dengan sejahtera dan harmoni. Tugas mewujudkan keluarga bahagia bukanlah tugas ibu atau ayah sahaja, tetapi menjadi tanggungjawab seluruh anggota keluarga.

Cara-cara mewujudkan keluarga yang bahagia:

- (a) setiap anggota keluarga perlu saling menyayangi.
- (b) menyempurnakan tanggungjawab masing-masing secara sukarela dan amanah;

- (c) menjalinkan hubungan yang mesra dan akrab;
- (d) senantiasanya mengamalkan sikap bertolak ansur;
- (e) tidak menyinggung perasaan ahli keluarga;
- (f) menjaga kebersihan di dalam dan di luar rumah;
- (g) mementingkan kesihatan dan keselamatan setiap ahli keluarga;
- (h) melibatkan diri dalam aktiviti keluarga;
- (i) mengambil berat akan hal dan masalah setiap ahli keluarga;
- (j) mengamalkan sikap hormat-menghormati, beradab, sopan dan sebagainya.

Kita juga hendaklah menghargai setiap ahli keluarga kita. Antara cara-cara menghargai ahli keluarga termasuklah:-

- (a) meraikan hari-hari istimewa mereka seperti hari jadi, ulang tahun perkahwinan, dan sebagainya. Cara-cara meraikan hari istimewa mereka:
 - i. mengingati hari-hari istimewa mereka dengan memberikan ucapan;
 - ii. mengadakan sesuatu majlis untuk meraikan hari tersebut, contohnya seperti mengadakan majlis hari jadi;
 - iii. memberi hadiah atau kad ucapan selamat.
- (b) mendengar pandangan dan pendapat setiap ahli keluarga, meskipun dia hanyalah adik kita;
- (c) memberikan sokongan moral kepada ahli keluarga jika mereka menghadapi masalah atau jika mereka menyertai sebarang pertandingan dan persembahan.